

Gaji: Beri kerajaan masa

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Kakitangan awam diminta memberi masa kepada kerajaan dalam isu tuntutan kenaikan gaji demi kebaikan bersama.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Omar Osman berkata, tindakan kerajaan meminta kakitangan awam supaya bersabar berhubung perkara itu menunjukkan keikhlasannya dalam mempertimbangkan permintaan tersebut.

Justeru, beliau meminta kerajaan dan Cuepacs diberikan tempoh masa tertentu untuk berunding mengenai tuntutan tersebut bagi mendapatkan kata sepakat dan penyelesaian kepada kedua-dua pihak.

"Kesabaran adalah aset penting yang harus ada pada kakitangan awam bagi mendapat hikmah di sebaliknya. Saya pasti perkara ini akan dapat diselesaikan

Kesabaran adalah aset penting yang harus ada pada kakitangan awam bagi mendapat hikmah di sebaliknya

atas jaminan yang dibuat oleh kerajaan.

"Cuepacs tidak pernah mendesak kerajaan tetapi hanya mahukan pertimbangan berdasarkan peningkatan sara hidup dan ekonomi yang semakin membebankan kakitangan awam," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Najib semalam yang meminta lebih 800,000 kakitangan awam yang menuntut kenaikan gaji baru-baru ini supaya bersabar kerana kerajaan masih dalam peringkat memperhalusi permintaan tersebut.

Menurut Najib, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ah-

mad Badawi sendiri sudah memaklumkan bahawa kerajaan bersedia menimbang tuntutan itu yang dibuat melalui Cuepacs.

Menurut Omar, sekiranya permintaan itu diluluskan, ia akan menjadi satu suntikan baru bagi kakitangan awam dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti mereka.

"Kita sememangnya berharap terdapat anjakan imbuhan baru kepada kakitangan awam supaya memberi mereka motivasi ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja," jelasnya.

Beliau memberitahu, Cuepacs telah memohon supaya kerajaan mempertimbangkan semakan gaji antara 10 hingga 40 peratus

UM - 17/2/2007
OMAR OSMAN
Presiden Cuepacs

iaitu 40 peratus bagi Gred 1 hingga 16, 30 peratus (Gred 17 hingga 26) dan (Gred 27 hingga 40), 20 peratus (Gred 41 hingga 54) dan Jusa ke atas (5 hingga 10 peratus).

"Permintaan itu dibuat memandangkan sudah 14 tahun semakan gaji tidak dibuat terutamanya kepada Kumpulan Sokongan I dan II yang rata-rata berpendapatan bawah RM2,000.

"Jika dahulu iaitu sebelum tahun 1991, kerajaan membuat semakan setiap lima tahun tetapi selepas itu, ia tidak berlaku cuma diberi pelarasan sebanyak 10 peratus pada tahun 2000," ujarnya.

Sementara itu, Omar memberitahu, Cuepacs akan menemui Perdana Menteri pada 6 Mac ini.

Dalam pertemuan itu, katanya, tuntutan kenaikan gaji dan rasionalnya menjadi isu utama yang akan dibincangkan di samping langkah kerajaan ingin melanjutkan umur persaraan daripada 56 tahun ke 60 tahun.